

# Negara penuhi tuntutan pejuang kemerdekaan

UM-30/7/2006

Kita perlu ambil iktibar daripada sejarah lalu kerana ia banyak pengajaran terutama dalam usaha kita meneruskan perjuangan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju

**ABDULLAH  
AHMAD  
BADAWI**  
Perdana  
Menteri

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 28 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara telah memenuhi tuntutan pejuang kemerdekaan yang mewasiatkan supaya anak cucu mereka mengecap kemajuan dan kejayaan, selain memakmurkan tanah air ini.

Menurut Perdana Menteri, tuntutan itu dipenuhi setelah negara mencapai kemerdekaan dan ia merupakan perkara yang diperjuangkan selama ini.

“Namun kita perlu ambil iktibar daripada sejarah lalu kerana ia banyak pengajaran terutama dalam usaha kita meneruskan perjuangan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

“Setelah mencapai kemerdekaan, kita juga perlu mengisi perjuangan itu dengan pelbagai program termasuk dasar yang telah ditetapkan,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Logo dan Program Sambutan Menjelang Ulang Tahun Merdeka Ke-50, anjuran Media Prima, di sini hari ini.

Abdullah berkata, sambutan kemerdekaan ke-50 pada tahun depan adalah satu kebanggaan kepada negara dan Malaysia berhak merayakannya kerana ia merupakan perayaan jubli emas.

Katanya, ia juga menunjukkan kejayaan satu bangsa setelah negara mencapai kemerdekaan dan diharapkan semua pihak dapat menjayakan program itu dengan rela demi kebaikan semua pihak.

“Kita benar-benar bersyukur di atas kejayaan selama ini dan diharapkan negara akan kekal maju serta berjaya,” katanya.